

Proton Saga sertai lawatan Dr. Mahathir ke Republik China

UM 12 OCT 1985

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Proton Saga akan diperkenalkan di Republik Rakyat China sempena dengan lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ke negara itu bulan depan.

Kereta tersebut akan dibawa melalui kapal dari Pelabuhan Kelang ke Pelabuhan Xingang, kira-kira 180 kilometer dari Beijing yang dijangka sampai pada

kira-kira pertengahan bulan depan.

Sebanyak 10 unit kereta tersebut yang terdiri dari lima model 1.5 dan 1.3, dijangka tiba awal bulan depan tetapi oleh kerana urusan pengendalian pelabuhan yang lewat boleh menjejaskan tarikh ketibaan kereta itu di republik tersebut.

Bagaimanapun, adalah difahamkan, pihak

berkuasa kedua-dua negara dikatakan sedang berusaha untuk mengatasi masalah tersebut supaya ketibaan Proton Saga tiba pada waktu lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Republik Rakyat China juga dikatakan meminta supaya Proton Saga tiba sebelum lawatan Perdana Menteri dan mahukan kereta tersebut berwarna merah dan siap dilengkapi dengan alat pemanas (heater) dan alat ganti.

Di samping itu, dua lagi kereta nasional itu akan meninggalkan negara menuju ke Britain yang dijangka sampai di Sheerness, Dover, sebelum 20 November.

Ketibaan kereta-kereta tersebut adalah bagi tujuan ujian piawai-an United Kingdom yang mengambil masa selama kira-kira enam hingga 12 bulan.

Seorang ahli Lembaga Pengarah Eedaran Otomobil Nasional (EON) memberitahu Utusan pada masa ini, EON masih lagi belum bercadang untuk mengeksport kereta nasional selain dari memperkenalkannya di beberapa negara tertentu.

Katanya, ini kerana EON ingin menumpukan perhatian kepada soal pemasaran dalam negeri sahaja di samping memberikan perkhidmatan sokongan yang benar - benar berkesan.